

13 anggota Unit Berkuda terima 'sayap'

BH
2/2/89

Oleh KARTINI NOOR

BERBEKALKAN kecekalan, berani, tabah dan dedikasi menjalani latihan akhirnya membuahkan hasil kepada 13 daripada 31 anggota Unit Berkuda Direktorat Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) apabila mereka terpilih sebagai pelatih terbaik hari ini.

Mereka menerima 'sayap' daripada Datuk Bandar, Datuk Elyas Omar yang merasmikan penubuhan Unit Berkuda dan ibu pejabatnya, di Bandar Tun Razak, dekat sini hari ini.

Tiga puluh satu pelatih itu adalah daripada 61 kakitangan yang tamat latihan asas kemahiran dan cara-cara mengendalikan kuda secara intensif Februari tahun lalu.

Mereka juga dijangka menjalani latihan pertengahan dan lanjutan tidak lama lagi bagi menambahkan pengalaman dan pengetahuan mengenai kuda.

Unit itu akan bertugas mengawal taman-taman, menjaga harta benda awam daripada dirosakkan dan mengawal kesesakan perhimpunan di taman.

Pelatih Terbaik Keseluruhan 88 dimenangi oleh Koperal Abu Bakar Derauh.

Pelatih terbaik ialah Penolong Inspektor Ali Hassan, Koperal Zainuddin Adi, Koperal S K Geminy Jameson, Koperal Nordin Nasrul, Lans Koperal Zamri Mohd Ali, Lans Koperal Omar Ghani, Lans Koperal Zainuddin Mat Esa dan Lans Koperal Ariffin Abdullah.

Empat daripada sembilan anggota wanita juga terpilih sebagai pelatih terbaik dan me-

nerima 'sayap' masing-masing, iaitu Cik Ruzalina Zainal, Cik Saliah Kamaludin, Cik Anida Bahari dan Cik Noriza Zakaria.

Pelatih terbaik keseluruhan, Koperal Abu Bakar Derauh, 32, berkata beliau sentiasa mengikuti tunjuk ajar jurulatih, tidak pernah ponteng latihan, berdisiplin dan sentiasa menjaga keselamatan diri dan kudanya ketika menunggang banyak membantunya terpilih pelatih terbaik.

"Setiap kali berada di atas kuda, saya cukup mementingkan keselamatan diri dan kuda kerana apabila kita cuai bukan saja saya cedera tetapi juga mereka di sekitar saya," katanya.

Keselamatan

Bapa kepada empat anak, Encik Derauh adalah kakitangan Direktorat Penguatkuasaan DBKL selama 12 tahun, sebelum memasuki Unit Berkuda berkenaan.

Lans Koperal Omar Ghani, 28, dari Melaka memasuki unit itu kerana minatnya untuk berdampingan dengan kuda.

"Sejak di kampung saya sudah memelihara binatang ternakan dan apabila ada kekosongan dalam Unit Berkuda saya tidak melepaskan peluang memohonnya," katanya.

Sudah beristeri dan mempunyai dua anak, beliau juga berkata, disiplin dan kasih sa-

yang penting dalam menjalin hubungan dengan kuda.

Cik Anida Bahari, 21, berkata pada awalnya ibu bapanya marah apabila mengetahui beliau memasuki unit berkenaan tetapi kini mereka pula yang banyak mendorongnya agar terus berusaha memajukan diri di bidang itu.

Mengenai kerjanya yang terpaksa meronda dengan anggota lelaki, Cik Anida berkata beliau tidak menjadikan ia halangan sebaliknya sebagai pembimbing yang berkesan.

"Bekerja menggunakan kuda ini mencabar kerana kita terpaksa belajar mengetahui perangai kuda dan cara-cara mengendalikan khususnya pada masa ia sedang marah," katanya.

Cik Saliah Kamaluddin, 24, berharap dapat menunggang kuda itu walaupun sudah mendirikan rumahtangga.

"Bukan senang untuk mendapat peluang menaiki kuda ini kerana hanya mereka yang berada saja mampu membelanya. Jadi saya gunakan peluang ini menaiki kuda sambil berkhidmat kepada orang ramai," katanya.

Beliau bangga berkhidmat dengan unit berkenaan kerana ia sentiasa menjadi tumpuan masyarakat.

"Kuda akan marah jika diganggu ketika ia sedang makan dan ini penting diketahui kerana persefahaman hanya akan wujud jika kita berusaha memahami perangai mereka menerusi tingkah lakunya," katanya.